



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

YB MENTERI MENDAPAT PUJIAN : CEMERLANG SEBAGAI PENGERUSI MOST (UNESCO)

PUTRAJAYA, 17 SEPTEMBER - Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Rohani Abdul Karim telah mendapat pujian daripada Sekretariat dan ahli Intergovernmental Council (IGC) of The Management of Social Transformations Programme (MOST), United National Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO) atas kecemerlangannya mempengerusikan MOST dan seterusnya menjadikan program yang dianjurkan memberi impak positif dan dihargai.

Penghargaan itu disampaikan selepas beliau mempengerusikan mesyuarat kali kedua Bureau of The Intergovernmental Council of The Management of Social Transformations Programme (MOST), United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO) di Paris, Perancis pada 15 dan 16 September 2016.

Antara perkara utama yang telah dibincangkan dalam mesyuarat kali ini ialah cadangan untuk mengadakan seminar 13th Ordinary Session of the Intergovernmental Council (IGC) di Kuala Lumpur pada 16 dan 17 Mac 2017. Di samping itu, turut dibincangkan penubuhan Jawatankuasa Kebangsaan MOST di peringkat Negara-negara ahli.

Dalam mesyuarat yang berlangsung selama dua hari itu, beberapa keputusan telah dicapai antaranya setiap Negara ahli diminta untuk menyerahkan makluman mereka berhubung Pelan Tindakan pada 15 Disember 2016. Makluman yang telah dikumpul akan diserahkan untuk dibincang dan dipersetujui pada the 13th Ordinary Session of Intergovernmental Council (IGC) di Kuala Lumpur nanti.

Pada mesyuarat sama, beliau turut dijemput untuk menghadiri MOST Ministerial Forum yang akan dianjurkan oleh Kerajaan Cameroon pada Oktober 2016 bagi mengesahkan kepentingan sumbangan kepada sokongan polisi oleh kajian dan dimensi sosial dalam Agenda 2030. Malaysia turut dipilih untuk menganjurkan forum yang sama pada Mac 2017.

Terdahulu, beliau dan delegasi MOST Malaysia menghadiri sambutan Hari Malaysia yang telah dianjurkan oleh Duta Besar Malaysia ke Perancis di Rumah Malaysia, Paris.

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 35, No.55 Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
No. Telefon : 03-83231087
No. Faks : 03-83232012
Email : info@kpwkm.gov

**GAMBAR YB MENTERI – HARI MALAYSIA DI PARIS,
PERANCIS**





**GAMBAR YB MENTERI – MESYUARAT MOST (UNESCO),
PARIS, PERANCIS.**



